



21 JUN, 2025

Lebih 23.6 juta pengguna domestik Semenanjung nikmati tarif lebih adil



Berita Harian, Malaysia

Lebih 23.6 juta pengguna domestik Semenanjung nikmati tarif lebih adil

Pengenalan jadual tarif baharu meliputi perubahan kategori berdasarkan penggunaan voltan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Putrajaya: Lebih 23.6 juta pengguna domestik di Semenanjung bakal menikmati kadar tarif elektrik yang lebih adil dan progresif menerusi pelaksanaan jadual tarif elektrik baharu yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2027.

Menurut Suruhanjaya Tenaga (ST), penetapan tarif itu di bawah kerangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR), selaras dengan peruntukan Seksyen 26, Akta Bekalan Elektrik 1990.

Ia berkata, perubahan tarif elektrik bagi Tempoh Regulatori Keempat (RP4) membatikan pensrukturran semula tiga komponen iaitu kadar purata tarif asas, jadual tarif baharu dan mekanisme pelarasan kos bahan api.

"Kadar purata tarif asas dise-

laraskan berdasarkan anggaran kos pembekalan elektrik bagi tempoh RP4 dan ditetapkan pada kadar 45.40 sen/kWj berbanding 45.62 sen/kWj yang diluluskan pada Disember 2024.

"Dengan pelarasan ini, purata kos keseluruhan tarif elektrik berkurangan sehingga 19 peratus berbanding Tempoh Regulatori Ketiga (RP3)," katanya dalam satu kenyataan.

ST menjelaskan, pengenalan jadual tarif baharu itu meliputi perubahan kategori pengguna yang terbahagi kepada domestik dan bukan domestik berdasarkan penggunaan voltan, sama ada voltan rendah, sederhana dan tinggi.

Menurutnya, ia juga meliputi penetapan setiap caj bagi komponen tenaga, kapasiti, rangkaian dan peruncitan yang berdasarkan kos berkaitan.

Mekanisme lebih dinamik

Bagi komponen caj tenaga pula, ST menjelaskan, mekanisme pelarasan kos bahan api baharu yang lebih dinamik iaitu Pelarasan Bahan Api Secara Automatik atau *Automatic Fuel Adjustment* (AFA) akan menggantikan mekanisme Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT).

Ia berkata, mekanisme itu



membolehkan pelarasan kos penjanaan dilaksanakan secara automatik berdasarkan harga bahan api di pasaran semasa dan kadar tukaran mata wang asing.

Katanya, maklumat itu akan dilaporkan setiap bulan di laman sesawang ST.

ST berkata, jadual tarif baharu akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 dan diselaraskan dalam bil elektrik bermula penggunaan

bulan Julai 2025.

Ia berkata, perincian kadar serta kategori baharu, jika berkaitan boleh disemak melalui jadual tarif yang akan dipaparkan di

laman sesawang ST.

Katanya, maklumat itu akan dilaporkan setiap bulan di laman sesawang ST.

Anggaran kos bil elektrik bulanan pada masa akan datang dengan menggunakan kalkulator

tarif elektrik yang boleh diakses seawal-awalnya mulai Isnin, 23 Jun 2025 melalui laman sesawang <https://www.mytnb.com.my/tariff>.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pengguna digalakkan menghubungi TNB CareLine di talian 1-300-88-5454, emel ke tnbcareline@tnb.com.my ataupun melalui platform rasmi TNB yang lain.